



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**12 Oktober 2021  
5 Rabi'ulawal 1443H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	
Berita Harian	
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerang dicemari Saxitoxin</li> </ul>
Kosmo !	
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none"> <li>Spesies kerang di perairan Sungai Getting dicemari toksin</li> </ul>
The Star	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelantan Fisheries Dept places ban on molluscs from Sg Geting due to red tide ( Online)</li> </ul>
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jangan makan kerang-kerangan dari perairan Sungai Getting-Jabatan Perikanan (Online)</li> </ul>
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR										MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		23	12/10/2021		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY					
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI					
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL					

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			22	12/10/2021

## Spesies kerang di perairan Sungai Geting dicemari toksin

**KOTA BHARU** - Orang ramai dilarang memungut, menjual atau memakan spesies kerang-kerangan seperti tiram, lokan, kepah dan lala di perairan Sungai Geting, Tumpat kerana dicemari toksin saraf atau saxitoxin daripada alga berbahaya iaitu *alexandrium minutum*.


Pengarah Perikanan Kelantan, Nazri Ishak berkata, larangan itu berkuat kuasa serta-merta berikutan keputusan analisis makmal Biosekuriti Perikanan mendapati kerang-kerangan tersebut telah tercemar dengan bahan toksin itu.

“Akibat daripada memakan kerang-kerangan itu boleh menyebabkan keracunan, berbahaya dan memudaratkan kesihatan.

“Sebarang maklumat lanjut boleh berhubung dengan Pejabat Perikanan Negeri Kelantan di talian **09-7414 770** atau Pejabat Perikanan Daerah Tumpat, **09-7257 995**,” katanya.

Saxitoxin adalah neurotoksin yang kuat dan toksin kerang lumpuh yang paling terkenal.

Pengambilan saxitoxin oleh manusia,



**NOTIS**

**KEPADA : PEMUNGUT/ PENIAGA/ PEMBELI/ ORANG AWAM**

DILARANG MEMUNGUT/ MENJUAL/ MEMAKAN KERANG-KERANGAN (TIRAM, LOKAN, KEPAH, LALA DAN LAIN-LAIN KERANG-KERANGAN) DI KAWASAN PERAIRAN SUNGAI GETING, TUMPAT, KELANTAN BERMULA BULAN **OKTOBER 2021 SEHINGGA DIMAKLUMKAN KELAK.**

ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA KEPUTUSAN ANALISIS DARIPADA PIHAK MAKMAL BIOSEKURITI PERIKANAN MENDEPATI KERANG-KERANGAN DI KAWASAN TERSEBUT TELAH TERCEMAR DENGAN TOKSIN SARAF (SAXITOXIN) DARIPADA ALGA BERBAHAYA IAITU *ALEXANDRIUM MINUTUM*. AKIBAT DARIPADA MEMAKAN KERANG-KERANGAN TERSEBUT BOLEH MENYEBABKAN KERACUNAN, BERBAHAYA SERTA MEMUDARATKAN KESIHATAN MANUSIA.

Sebarang Pertanyaan Lanjut Sila Hubungi:  
Pejabat Perikanan, Negeri Kelantan

Notis yang dikeluarkan agensi berkenaan pada Isnin.

biasanya dengan pengambilan kerang-kerangan yang tercemar oleh alga toksik, bertanggungjawab atas penyakit yang dikenali sebagai keracunan kerang lumpuh.



JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI BERNAMA			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

AM

## Jangan makan kerang-kerangan dari perairan Sungai Geting - Jabatan Perikanan



11/10/2021 07:43 PM

KOTA BHARU, 11 Okt – Jabatan Perikanan Negeri Kelantan menasihatkan orang ramai supaya tidak memakan kerang-kerangan yang diperoleh dari perairan Sungai Geting di sini, berikutan kawasan tersebut disyaki telah tercemar dengan serangan alga merah.

Pengarahnya Nazri Ishak berkata orang ramai juga dilarang melakukan aktiviti memungut dan menjual hasil kerang-kerangan seperti tiram, lokan, kepah, lala serta lain-lain, yang diperoleh dari kawasan berkenaan.

Menurut beliau larangan itu berkuat kuasa serta-merta sehingga dimaklumkan kelak.

"Adalah dimaklumkan bahawa keputusan analisis daripada pihak Makmal Biosekuriti Perikanan mendapati, kerang-kerangan di kawasan tersebut telah tercemar dengan toksin saraf (saxitoxin) daripada alga berbahaya iaitu 'alexandrium minutum'.

"Kerang-kerangan yang telah tercemar oleh 'alexandrium minutum' sekiranya dimakan boleh menyebabkan keracunan berbahaya serta memudaratkan kesihatan manusia," menurutnya dalam kenyataan hari ini.

Nazri berkata Sungai Geting sememangnya lokasi biasa berlakunya serangan alga merah ekoran banyak faktor antaranya akibat cuaca panas.

"Kerang-kerangan berfungsi sebagai penapis dan ia akan menapis bahan seperti alga dan jika ditapis sehingga tahap tinggi, apabila dimakan ia boleh menyebabkan keracunan.

"Kita akan buat pensampelan ini setiap minggu hingga keadaan selamat untuk dimakan. Sebagai langkah kawalan kita mengarahkan supaya tidak mengutip kerang-kerangan tersebut, sehingga kerja siasatan selesai dan dijamin selamat," katanya.

Sementara itu, Nazri berkata hasil siasatan yang dijalankan juga mendapati tidak semua kerang-kerangan yang dijual di tepi jalan berhampiran Pantai Geting diperoleh atau dikutip dari kawasan yang tercemar itu.

"Jabatan Perikanan Kelantan sudah melakukan tinjauan dan penjual memaklumkan bekalan kerang-kerangan mereka bukan diperoleh dari perairan Sungai Geting.

"Oleh itu kita nasihatkan orang ramai yang mahu membeli kerang-kerangan ini untuk bertanya dan tahu dari mana ia diambil," katanya.

-- BERNAMA

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR	/	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

# Kelantan Fisheries Dept places ban on molluscs from Sg Geting due to red tide

TUMPAT (Bernama): The Kelantan Fisheries Department has imposed an immediate ban on eating molluscs from Sungai Geting due to a suspected red tide or harmful algal bloom.

Its director, Nazri Ishak, said that the sale and harvest of molluscs such as oysters and clams are included in the ban.

"An analysis by the Fisheries Biosecurity Lab shows that molluscs from the area are contaminated with saxitoxin from harmful alga, Alexandrium minutum.

"If consumed, the contaminated molluscs can cause poisoning and pose a threat to human health," he said in a statement on Monday (Oct 11).

Nazri said red tides commonly occur in Sungai Geting due to hot weather and other factors.

He said that molluscs are filter feeders and if they filter matter like algae to a high level, eating them can cause food poisoning.

"We will do weekly testing until they are safe to eat. As a preventative measure, the harvesting of molluscs is prohibited until the investigation is over and safety is guaranteed," Nazri said.

He said that based on investigation, too, not all the molluscs sold by the road are from the contaminated area.

"The sellers said they don't source from Sungai Geting," he said, while adding that customers should ask about the origin of the molluscs to be safe. – Bernama